

NEWSPAPER CLIPPING  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 31/10/2007

## Perkasa institusi penghulu

SHAH ALAM 30 Okt. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Institut Tadbiran Awam Negara membuat penambahbaikan terhadap kursus yang diadakan bagi penghulu bagi memperkasakan golongan itu mengikut peredaran semasa.

Perdana Menteri berkata, peranan penghulu dari dulu sehingga kini sebagai penasihat di peringkat bawahan amat penting walaupun masyarakat mempunyai wakil rakyat, pegawai daerah dan pegawai kerajaan lain.

Menurut beliau, penghulu perlu memahami mereka dikelilingi oleh masyarakat yang mempunyai harapan atau aspirasi tinggi berbanding dulu kerana tahap pendidikan yang lebih baik dan mengikut peredaran zaman.

Pada masa yang sama, tambah beliau, penghulu juga perlu memahami rancangan-rancangan kerajaan untuk rakyat yang membabitkan teknologi maklumat, komunikasi dan sektor pertanian yang perlu diberi penerangan dengan baik.

"Sehubungan itu, saya mahu golongan penghulu menjalani kursus yang diberi nafas baru supaya mereka memahami pembangunan dan isu yang wujud pada masa sekarang dan hadapan.

Um - 31/10/2007  
"Kita mahu peranan penghulu dipereleok supaya sentiasa dipandang tinggi dan tidak diketepikan walaupun kita mempunyai wakil rakyat.

"Saya bercakap mengenai perkara ini adalah untuk meningkatkan lagi penghormatan dan pengiktirafan rakyat kepada penghulu," katanya ketika berucap menutup Persidangan Agung Tahunan Penghulu Penggawa Semenanjung Malaysia Ke-33 di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo dan Yang Dipertua Kesatuan Penghulu Penggawa Semenanjung Malaysia, Nordin Iskandar.

Perdana Menteri memberitahu, beliau akan berbincang dengan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd. Sidek Hassan untuk melihat apa yang boleh diperbaiki bagi memperkasakan lagi peranan penghulu.

Abdullah menambah, penghulu perlu berkemampuan untuk menasihati dan menyelesaikan masalah.

"Mereka perlu menjadi individu yang benar-benar berpengaruh.

"Bukan mempunyai pengaruh jahat tetapi berpengaruh untuk kebaikan dan kemajuan," katanya.